

D281

U B737 AAB
MAHATHIR - INDUSTRI RRR
(I)

KUALA LUMPUR, 3 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU AHLI-AHLI PERNIAGAAN AMERIKA BAHAWA PEMBANGUNAN MALAYSIA AKAN DITITIKBERATKAN KEPADA INDUSTRIALISASI YANG BERASASKAN EKSPORT.

PERHATIAN UTAMA JUGA DIBERI KEPADA MEMPERTINGKATKAN PERTUMBUHAN DALAM INDUSTRI KEUTAMAAN YANG TERPILIH BERASASKAN KELEBIHAN PERBANDINGAN DUNIA, PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA DAN HASRAT UNTUK MEMILIKI KEUPAYAAN TEKNOLOGI, KATANYA.

+KAMI PERCAYA MASA DEPAN KAMI BERGANTUNG KEPADA PEMROSESAN BAHAN MENTAH KAMI DI PERINGKAT KEDUA DAN KETIGA YANG DITAMBAH NILAI DAN DALAM TEKNOLOGI YANG LEBIH TINGGI.

+INDUSTRI YANG TERLETAK DI MALAYSIA YANG MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER INI AKAN MENIKMATI KELEBIHAN PERBANDINGAN TERTENTU,+ KATANYA SELEPAS MENYAMPAIKAN UCAPAN PENTING DI MESYUARAT MAJLIS DEWAN PERNIAGAAN AMERIKA KAWASAN ASIA-PASIFIK DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH DALAM BEBERAPA TAHUN LALU SEPerti MENGADAKAN KELENTERUN SYARAT YANG LEBIH LUAS KEPADA PARA PEKILANG YANG HENDAK MELAKSANAKAN PROJEK BARU, DAN YANG HENDAK MEMPERLUASKAN KAPASITI DAN MEMPELBAGAI PENGELUARAN. -- LAGI.

1223MST 03 04 87

U B743 DEB
MAHATHIR - INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR RRR
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH JUGA MELONGGARKAN GARIS PANDUAN BAGI PENYERTAAN EKUITI ASING DALAM SEKTOR PEMBUATAN DAN MENYEDIAKAN GALAKAN CUKAI BAGI BIDANG PEMBUATAN, PERTANIAN DAN PELANCONGAN.

KERAJAAN TELAH JUGA MELANCARKAN TABUNG PELABURAN BARU BAGI MENYALURKAN WANG PADA KADAR FAEDAH YANG MENARIK BAGI MEMBIAYAI KEUPAYAAN PENGELUARAN BARU DI TIGA BIDANG ITU, KATANYA.

+LANGKAH-LANGKAH INI DIHARAP AKAN MENGGALAKKAN KEGIATAN PELABURAN SETERUSNYA DALAM SEKTOR PEMBUATAN NEGARA INI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU KEMUDIAN MENGGARISI BEBERAPA PROGRAM YANG DIRANCANG OLEH LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) DALAM BEBERAPA BULAN AKAN DATANG BAGI MENARIK PELABURAN AMERIKA, KHUSUSNYA PERNIAGAAN KECIL DAN SEDERHANA KE MALAYSIA.

INI TERMASUK MESYUARAT MEJA BULAT DALAM MEI/JUN DI BOSTON, DALLAS, ST. LOUIS DAN WASHINGTON D.C., SEMINAR PELABURAN/PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN DI LOS ANGELES, CHICAGO DAN NEW YORK DALAM SEPTEMBER/OKTOBER DAN SEMINAR SERTA LAWATAN KAJIAN BAGI AHLI-AHLI PERNIAGAAN YANG MENGHADIRI PAMERAN INTERNEPCON MENGENAI SEMI-CONDUKTOR ELEKTRONIK DAN PEKRHIDMATAN BERKAITAN DALAM BULAN JULAI DI KUALA LUMPUR. -- LAGI.

1236MST 03 04 87

U B750 DEB
MAHATHIR - INDUSTRI 3 KUALA LUMPUR RRR
(1)

PADA AWAL TAHUN DEPAN, MIDA AKAN JUGA MENGANJURKAN SEMINAR DAN SYARIKAT-SYARIKAT AMERIKA AKAN DIUNDANG MENGHADIRI FORUM PELABURAN DAN LAWATAN KAJIAN DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PROGRAM-PROGRAM ITU AKAN MEMBANTU MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH DIKENALI DI KALANGAN ORANG AMERIKA, KHUSUSNYA AHLI PERNIAGAAN DAN USAHAWAN NEGARA ITU.

MENGENAI PELABURAN AMERIKA DI MALAYSIA, BELIAU BERKATA 96 PROJEK PEMBUATAN DAN PELANCONGAN YANG ADA DI NEGARA INI MENGANDUNGI KEPENTINGAN AMERIKA, YANG MELIBATKAN MODAL BERBAYAR BERJUMLAH M\$287.6 JUTA DAN HARTA TETAP M\$663.7 JUTA.

TAHUN LALU, DARIPADA 448 PROJEK YANG DILULUSKAN, 25 PROJEK ADALAH DENGAN EKUITI AMERIKA BERJUMLAH M\$17.1 JUTA, 60 PERATUS DARINYA MERUPKAN PROJEK PENGLUAPAN YANG MEMBUKTIKAN KEYAKINAN SYARIKAT AS KEPADA IKLIM PELABURAN NEGARA INI, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN AMERIKA DIGABUNGI DENGAN SUMBER SEMULA JADI DAN TENAGA MANUSIA MALAYSIA MENGHASILKAN FAEDAH BERSAMA BAGI MALAYSIA DAN PELABURAN AMERIKA SEBAGAIMANA JELAS DILIHAT PADA BEBERAPA PERUSAHAAN AMERIKA SETAKAT INI. -- LAGI.

1250MST 03 04 87

0303

U B753 AAB
MAHATHIR - INDUSTRI 4 KUALA LUMPUR RRR
(1)

MENGENAI PASARAN BERSAMA ASEAN YANG DICADANGKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN INI MASIH MERUPAKAN IMPIAN, TERDAPAT KEMUNGKINAN BEBERAPA HALANGAN AKAN TERHAPUS DAN PASARAN YANG MENGANDUNGI 250 JUTA PENDUDUK DENGAN KUASA BELIAN YANG LEBIH BESAR DARIPADA 1,000 JUTA RAKYAT CHINA, AKAN DIBUKA.

+MENEMPATKAN INDUSTRI ANDA (AMERIKA) DI MALAYSIA ATAU DI MANA-MANA NEGARA ASEAN YANG LAIN BERERTI WUJUDNYA PANDANGAN JAUH DI BIDANG PELABURAN. RAKAN-RAKAN ASING DALAM DUA USAHA SAMA INDUSTRI ASEAN YANG UTAMA TELAH MULA MENIKMATI FAEDAH YANG BESAR.+

MENGENAI DASAR PERLINDUNGAN, PERDANA MENTERI PERCAYA +IA MERUPAKAN CARA YANG HANYA MENGURANGKAN PERDAGANGAN DUNIA DAN MENJEJASKAN LAGI NEGARA-NEGARA YANG SEDIA MISKIN. PENGURANGAN PERDAGANGAN DUNIA PADA AKHIRNYA AKAN MENJEJAS KITA SEMUA - NEGARA-NEGARA MAJU DAN MEMBANGUN.+

BELIAU MEMUJI USAHA MASYARAKAT PERNIAGAAN AMERIKA YANG MENDORONG KERAJAAN AS KE ARAH MENYEDARI PERLUNYA DIHAPUS DASAR PERLINDUNGAN.

MAJLIS DEWAN PERNIAGAAN AMERIKA KAWASAN ASIA-PASIFIK (APCAC) DENGAN 16 ANGGOTA ITU MEWAKILI KEPENTINGAN KIRA-KIRA 35,000 AHLI PERNIAGAAN DAN 6,500 SYARIKAT PERNIAGAAN DI RANTAU INI.

KEANGGOTAAN APCAC MENGENDALIKAN JUMLAH DAGANGAN MELEBIHI AS\$180 BILION DAN PELABURAN LEBIH AS\$40 BILION. -- BERNAMA.

1305MST 03 04 87